

# TUNTUTAN INSURANS KENDERAAN

Syarikat insurans, mengikut budi bicaranya boleh memberikan tambahan tempoh selama tujuh hari bekerja bagi sebarang kelewatan yang tidak dapat dielakkan. Skala standard bagi CART harian telah ditetapkan oleh PIAM adalah seperti jadual di bawah:

Kenderaan Kegunaan Persendirian	Pampasan untuk 'Masa Pembaikan Sebenar / Sehari
Sehingga 1500 cc	RM30
Melebihi 1500cc - 2000 cc	RM40
Melebihi 2000 cc	RM50
<b>Kenderaan Perdagangan</b>	
Sehingga 1 tan	RM40
Melebihi 1 - 2 tan	RM60
Melebihi 2 tan	RM90
Lori trailer	RM120
Bas (Persendirian)	RM90
Lain-lain Bas (Ekspress / Berhenti-henti)	RM180
Teksi / Kereta Sewa dan Pandu	RM40
<b>Motosikal</b>	
Sehingga 2500 cc	RM10
Melebihi 2500 cc	RM15



Apa yang perlu anda tahu apabila membuat tuntutan sekiranya kenderaan terlibat dalam kemalangan

B/H 23/4/12 MS 1



Sebagai alternatif, anda boleh membuat tuntutan kos menyewa kenderaan gantian yang sama jenis dan kapasiti untuk selama jumlah hari yang ditentukan bagi masa pembaikan sebenar yang dibuktikan dengan resit daripada syarikat kereta sewa berlesen.

ke bengkel panel yang diluluskan.

- Syarikat insurans akan menghantar peraras kerugian untuk menilai kerosakan sebelum meluluskan kerja pembaikan.

### Tuntutan pihak ketiga

- Anda boleh membuat tuntutan Pihak Ketiga sekiranya anda bukan pihak yang bersalah ke atas kemalangan tersebut dan anda dapat mengekalkan kelayakan NCD anda.

### ● Terdapat dua jenis tuntutan Pihak Ketiga:

- Tuntutan terhadap syarikat insurans pihak yang bersalah; atau
- Tuntutan terhadap syarikat insurans anda, sekiranya anda mempunyai polisi Komprehensif.

Anda digalakkan mengemukakan tuntutan anda kepada syarikat insurans anda sendiri untuk mempercepatkan pemprosesan tuntutan.

- Melantik peraras kerugian berlesen untuk menilai kerugian anda dan menghantar kenderaan ke bengkel yang diluluskan oleh Persatuan Insuran Am Malaysia (PIAM).

- Catat nama dan alamat semua pemandu, buatan/model dan nombor pendaftaran setiap kenderaan yang terlibat, nombor lesen pemandu dan butir-butir insurans dan juga nama dan alamat saksi yang terlibat.

- Buat laporan polis dalam masa 24 jam selepas sesuatu kemalangan jalan raya dan maklumkan syarikat insurans anda secara bertulis dengan memberi butir-butir lengkap dengan segera.

- Sekiranya kenderaan anda rosak, anda boleh memilih sama ada membuat tuntutan kerosakan sendiri atau tuntutan pihak ketiga:

- Sekiranya anda bukan pihak yang bersalah, anda juga layak menuntut daripada syarikat insurans

pihak ketiga, pampasan bagi masa pembaikan sebenar (CART). CART bermaksud amaun yang berpatutan yang perlu dibayar oleh syarikat insurans pihak ketiga sebagai pampasan terhadap kehilangan daya guna kenderaan anda.

Jumlah yang akan dibayar adalah berdasarkan



skala standard yang telah ditetapkan oleh PIAM dan jumlah hari untuk membaiki kenderaan anda seperti yang ditentukan oleh peraras kerugian dan bukannya jumlah hari kenderaan anda berada di bengkel.

